

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 1 (A74)

Minta dinyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan semua inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan dalam Belanjawan Johor 2019?

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 2 (A107)

Minta nyatakan peratusan pelaksanaan terkini bagi setiap inisiatif atau titik fokus yang telah diumumkan dalam Belanjawan Johor 2019.

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 3 (A108)

Minta nyatakan kaedah yang Kerajaan Negeri gunakan untuk memantau prestasi EXCO khususnya dalam pelaksanaan pelbagai perkara yang diumumkan menerusi Belanjawan Johor dan Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor.

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 4 (A215)

Berapa ramai penerima Insentif Harapan Siswa pada tahun ini?

YB DATO' HAJI OSMAN BIN SAPIAN (KEMPAS)

SOALAN 5 (A40)

Beberapa bulan yang lalu, negeri kita mengalami kemarau menyebabkan banyak terjadi kes kebakaran hutan dan tempat pelupusan tanah haram, tanah masalah berstatus perumahan yang terbiar sudah sekian lama. Apakah tindakan yang diambil oleh PBT untuk jangka masa panjang supaya tidak berulang?

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 6 (A93)

Apakah kriteria dan kelayakan untuk membentuk Jawatankuasa Masjid dan Surau di peringkat mukim, yang bertanggungjawab menapis permohonan perjawatan pengurusan kariah masjid dan surau sebelum ke peringkat daerah, agar keputusan pemilihan yang dibuat sesuai kelayakannya dan tiada persoalan tentang isu tersebut?

YB TUAN MOHD IZHAR AHMAD (LARKIN)

SOALAN 7 (A6)

Apakah pendirian serta keputusan kerajaan dalam membuat keputusan terhadap kawasan perumahan Larkin dan Kg. Melayu Majidee yang tertakluk di bawah status tanah rizab Melayu?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 8 (A7)

Minta dinyatakan secara terperinci bilangan penerima pemberian air percuma 10 meter padu mengikut Daerah sehingga kini.

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 9 (A214)

Mohon dijelaskan dengan lebih lanjut tentang Skim Perumahan Prihatin Johor (SPPJ) dan Skim Perumahan Belia Johor (SPBJ) serta kumpulan sasarannya?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 10 (A158)

Nyatakan jumlah cukai pelancongan yang telah dikembalikan kepada negeri Johor dari tahun 2018 sehingga kini, termasuk agihan sebanyak RM7.99Juta yang telah dikembalikan pada penghujung bulan Mac 2019 yang lalu, serta nyatakan secara jelas apakah tujuan serta kegunaannya?

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 11 (A21)

Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk menaikkan kadar pelancongan di negeri Johor dan berapakah pulangan balik yang telah diperolehi sepanjang tahun 2018 dan 2019?

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 12 (A49)

Gejala vape semakin menular dikalangan pelajar, apakah pelan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk membendung gejala ini?

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 13 (A144)

Minta penjelasan apakah langkah segera dan langkah jangka masa panjang yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi kesesakan diluar

dan dalam kawasan Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat bagi menampung jumlah pesakit dan pelawat yang semakin bertambah setiap hari.

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 14 (A147)

Bagi menggalakkan usahawan dalam projek industri kecil, apakah halangan dan kekangan dalam usaha bagi memastikan outcome kepada pencapaian itu mencapai paras seperti pensijilan MeSTI.

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 15 (A50)

Apakah status terkini pelaksanaan caj pencemaran atau bayaran ke atas penggunaan beg plastik pakai-buang (single-use plastic beg)?

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 16 (A27)

Banyak perumahan baharu di Kulai menyebabkan tekanan air perlu ditingkatkan. Sehubungan dengan itu, tekanan air menyebabkan paip lama mengalami kebocoran. Penduduk setempat seringkali mengalami gangguan bekalan air. Adakah terdapat perancangan untuk menggantikan kepada paip yang baharu dan bila akan dilaksanakan?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 17 (A105)

Belanjawan 2020, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM85 juta untuk melancarkan aliran trafik kenderaan khususnya yang melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ). Apakah perincian inisiatif yang akan memakan sejumlah RM85 juta?

YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)

SOALAN 18 (A28)

Mohon pencerahan selanjutnya apakah yang dikatakan Food Bank dan apakah peranan dan tujuan food bank yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 20.10.2019 di Muar?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 19 (A11)

Apakah rancangan pemerksaan Bantuan Zakat bagi golongan asnaf supaya dapat menjana ekonomi mereka sendiri dan nyatakan secara terperinci?

YB DATUK HAJI MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)

SOALAN 20 (A176)

Apakah penyelesaian kerajaan dalam menangani masalah projek-projek perumahan terbengkalai sekitar Johor? Contohnya Taman Satria, Kukup

yang lama tersenarai dalam projek terbengkalai akan dipulihkan tetapi hingga kini masih belum selesai. Apakah langkah membantu pembeli-pembeli rumah yang teraniaya akibat pemaju yang bermasalah?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 21 (A37)

Sila nyatakan keberkesanan program Geran Orang Lokal kepada usahawan-usahawan Johor berserta dengan jumlah pemohon dan jumlah penerima. Adakah kerajaan akan teruskan inisiatif ini pada tahun 2020 dan menambah kategori supaya dapat diperluaskan kepada lebih ramai usahawan.

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 22 (A187)

Apakah pembangunan yang bakal diterima untuk Komplek Sultan Abu Bakar (KSAB) untuk membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas?

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 23 (A136)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk melaksanakan penubuhan Mahkamah Syariah Khas Perkahwinan, Hadhanah dan Nafkah sebagaimana dilaksanakan di Wilayah Persekutuan pada September lalu, sekiranya tiada perancangan melaksanakan mahkamah khas ini, mohon nyatakan usaha memendekkan tempoh penyelesaian kes dan penguatkuasaan perintah nafkah?

YB TUAN HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 24 (A210)

Rumah-rumah projek perumahan di negeri Johor yang dibina sekarang melebihi harga RM400K dan tidak mampu dibeli oleh bumiputera. Apakah langkah kerajaan untuk membendung kenaikan harga yang terlalu tinggi ini?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 25 (A170)

Berapa jumlah kutipan zakat bagi tahun 2018 dan pecahan pengagihan mengikut kategori yang ditetapkan oleh hukum syarak bagi tahun 2018?

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 26 (A204)

Apakah status terkini pelaksanaan Projek Perumahan Nelayan di Kampong Punggai, Pengerang oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 27 (A145)

Minta penjelasan struktur pengurusan bekalan air di Johor. Nyatakan peranan dan kepentingan BAKAJ, PAAB dan SAJ dalam pengurusan tersebut. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi

memastikan kepentingan strategik awam ini terjamin pada masa kini dan selamanya?

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 28 (A48)

Adakah kerajaan negeri merancang untuk memberikan peruntukan khas kepada ADUN untuk membangunkan laman sesawang sekaligus meningkatkan komunikasi diantara rakyat?

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 29 (A77)

Minta dinyatakan apakah wujud pelan dan cadangan dari Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan potensi gig economy dan Digital Economy dalam mempelbagaikan sektor pekerjaan dan sumber pendapatan Kerajaan Johor?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2020) TAHUN 2019

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 26 November 2019, jam 9:30 pagi.